

TARIKH	25 / 04 / 2014	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	11	RUANGAN	

Oleh Ahmad Saufi Mansor,  
Mohamad Hussin  
dan Norul Awatif Romli  
am@hmetro.com.my  
**Alor Setar**

**IJTIMAK PONDOK MALAYSIA 2014**

## Teliti kekangan hudud

■ Perlu pandangan ulama untuk lakukan ijtihad bagi elak salah faham

Terdapat kekangan dalam hukum hudud perlu diselesaikan selain diperhalusi terlebih dulu sebelum pelaksanaan boleh dibuat di negara ini bagi mengelak wujud salah faham dalam kalangan masyarakat sehingga menjejaskan matlamat sebenarnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, Kerajaan Persekutuan tidak pernah menolak hukum hudud sebagai hukum ditetapkan Allah SWT tetapi banyak perkara perlu diteliti sebelum dapat dilaksanakan di negara ini.

Menurutnya, rakyat perlu memahami perbezaan ketara antara menolak hukum hudud dengan tidak melaksanakannya kerana terdapat pelbagai kesulitan.

Katanya, kerajaan memerlukan bantuan dan pandangan dalam kalangan ulama termasuk guru pondok untuk memperhalusi dan melakukan ijtihad baru dalam menentukan pelaksanaan hukum hudud supaya keadilan yang menjadi matlamat utama dapat ditegakkan.

"Kerajaan sentiasa menyokong niat baik mana-mana pihak untuk melaksanakan hukum hudud, bagaimanapun ia perlu mengambil kira hal-hal lain yang menuju ke arah Islam sejati

"Sebelum melaksanakan hukum hudud, pastikan ma-

### Tanggung bukan tolak

**Alor Setar:** Pendakwah bebas dan penceramah terkenal Mohammad Kazim Elias atau Ustaz Kazim Elias menyifatkan pendirian kerajaan menanggung pelaksanaan hukum hudud di negara ini berikutan masih belum mempunyai kemampuan sebagai tidak bertentangan dengan agama Islam.

Beliau berkata, berikutan itu hanya golongan yang mengatakan hukum hudud tidak penting dan tidak perlu dilaksanakan layak dihukum sebagai kufur.

Katanya, perkara itu berbeza dengan pendirian dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bahawa kerajaan tidak menolak tetapi me-

merlukan jangka masa, kefahaman dan kemampuan sebelum pelaksanaan itu dibuat.

"Saya sendiri secara peribadi pernah bertemu dengan beberapa pemimpin dan bekas pemimpin negara untuk bertanyakan dari hati ke hati soal (hukum hudud) itu dan mereka jelas tidak menolak hukum hudud, tetapi hanya tidak bersetuju dengan konsep hudud yang dibentangkan pihak tertentu.

"Bagi saya konsep menolak itu lain, manakala menanggung dan belum buat itu tidak dikira sebagai menolak seperti ibadat haji yang dibuat mengikut kemampuan seseorang individu," katanya.

sarakat Islam bersedia daripada segi pemahaman dan penghayatan termasuk mental, begitu juga dengan masyarakat bukan Islam (di

negara ini)

"Mereka (masyarakat bukan Islam) perlu diberi kefahaman yang betul dan menyeluruh mengenai hu-



NAJIB diiringi Mukhriz (dua dari kiri), Jamil Khir (kiri) dan Othman merasmikan penutupan Program Ijtimak Pondok Malaysia 2014, semalam.

kum-hakam Islam supaya tidak wujud salah faham terhadap hukum Islam yang suci," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan penutupan Ijtimak Pondok Malaysia 2014 bertema Institusi Pondok di Alaf Baru: Cabaran dan Hala Tuju anjuran Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPPM) di Dewan Seri Mentaloon, di si-

ni, semalam.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Pengerusi Eksekutif YPPM Datuk Dr Mashitah Ibrahim.

Pada majlis sama, Najib turut mengumumkan peruntukan geran RM500,000 kepada YPPM bagi tujuan mencari, memperoleh dan me-

mulihkan kitab Islam lama bagi tujuan rujukan.

Selain itu, beliau menawarkan 100 tempat untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini kepada pelajar dan guru sekolah pondok berkelayakan selain 20 kuota menunaikan ibadah haji pada tahun ini kepada guru pondok di bawah Yayasan IMDB.